

# Siri jelajah Dr. Mahathir boleh gugat BN pada pilihan raya

Oleh JAMDI NASIR



TUARAN 6 Ogos - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengkritik kepimpinan negara dalam siri jelajahnya ke seluruh negara boleh menggugat UMNO dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang, kata Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad (*kiri*).

Beliau yang melahirkan kebimbangan itu tidak menolak kemungki-

nan BN terpaksa berdepan dengan situasi yang hampir sama dengan pilihan raya umum 1999, jika siri jelajah itu berterusan.

Menurutnya, tindakan itu bukan sahaja telah diambil kesempatan oleh parti pembangkang dengan menghadiri setiap siri ceramah bekas Perdana Menteri itu, malah ia juga mengelirukan ahli-ahli UMNO sendiri.

"Dalam keadaan politik sekarang, apabila bekas Perdana Menteri jelajah seluruh negara, ia turut disertai

sama oleh parti pembangkang.

"Ini telah menimbulkan kekeliruan dan dalam keadaan kita akan menghadapi pilihan raya akan datang, kita mungkin berhadapan dengan situasi pilihan raya 1999," katanya semasa berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Tuaran, di sini hari ini.

Radzi berkata, pada Pilihan Raya Umum 1999, UMNO kehilangan banyak undi majoriti di kubu kuat BN seperti di Shah Alam dan Selangor, ekoran banyak ahli dan penyokong

UMNO terkeliru dengan isu pada masa itu.

UMNO dan BN berhadapan dengan cabaran getir pada Pilihan Raya Umum ke-10 pada 1999 berikutan isu pemecatan Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang digunakan sepenuhnya oleh parti pembangkang untuk meraih sokongan.

Ketika ditemui pemberita kemudiannya, Radzi mengakui siri jelajah

**Lihat muka 2**

**Sambungan dari muka 1**

## **Siri jelajah Dr Mahathir boleh gugat BN pada pilihan raya**

Dr. Mahathir telah membebaskan kepimpinan parti sekarang apabila terpaksa membuat penjelasan semula kepada ahli UMNO di pelbagai peringkat.

"Ia satu beban kerana kita terpaksa beri penerangan semula menggunakan banyak tenaga, usaha dan masa. Kita ada banyak kerja yang nak dibuat," jelasnya.

Sehubungan itu katanya, bagi mengelakkan sebarang masalah, seluruh lapisan ke-

pimpinan UMNO khususnya di peringkat cawangan perlu memastikan setiap ahli mendaftar sebagai pengundi.

Menurutnya, terdapat hampir 660,000 ahli UMNO di seluruh negara didapati masih gagal mendaftar sebagai pengundi dan ia merugikan parti apabila berdepan dengan sesuatu pilihan raya.

Beliau menarik perhatian mengenai Pilihan Raya Kecil di Pengkalan Pasir, Ke-

lantan pada 6 Disember tahun lain apabila 877 ahli UMNO didapati tidak mengundi, sedangkan sepatutnya mereka dapat memberi kemenangan selesa kepada calon BN.

"Akibat masalah ini, Wanita UMNO terpaksa merayu undi dari rumah ke rumah untuk mendapatkan sokongan bagi membantu kemenangan calon kita," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan

wakil rakyat BN supaya tidak berasa selesa dengan majoriti undi di kawasan masing-masing kerana sebarang kemungkinan boleh berlaku pada pilihan raya akan datang.

Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Sabah yang juga Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin dan Ketua UMNO Bahagian Tuaran, Datuk Hajiji Mohd. Noor.